

MAHATHIR (BERNAMA EX)

1977

KUALA LUMPUR, 3 JULAI (BERNAMA) — KERAJAAN AKAN MENGGAJI KEMUNGKINAN MENAMBAH PERUNTUKAN \$5 JUTA YANG DISEDIAKAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA UNTUK MENEGAH PENYALAHGUNAAN DADAH, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN MENEGASKAN BAHAWA PERUNTUKAN TAMBAHAN ITU HANYA BOLEH DILAKUKAN SETELAH RANCANGAN-RANCANGAN TERSUSUN MENGENAI PERKARA TERSEBUT DI BUAT.

BELIAU MEMBERITAHU BERNAMA DI SINI, SUNGGUHPUN JUMLAH ITU MUNGKIN TIDAK MENCUKUPI BAGI MEMBENTERAS PENAGIHAN DAN PENYALAHGUNAAN DADAH SEPENUHNYA, BEBERAPA KEMENTERIAN YANG BERKENAAN TELAH DIBERIKAN PERUNTUKAN UNTUK TUJUAN YANG SAMA.

KATANYA, +KITA SEDAR MASALAH DADAH BUKAN HANYA SERIUS DARI SEGI KESANNYA TERHADAP MEREKA YANG TERLIBAT MALAH KITA BIMBANG BILANGAN PENAGIH DADAH AKAN BERTAMBAH.+

MENGENAI PEMULIHAN PENAGIH-PENAGIH DADAH, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KESULITAN BESAR YANG DIHADAPI OLEH KERAJAAN SEKARANG IALAH UNTUK MENDAPATKAN PEGAWAI-PEGAWAI YANG TERLATIH UNTUK MENJALANKAN TUGAS MENEGAH PENAGIHAN DADAH. — BERSAMBUNG 1514/ZCM

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR (EX)

14

MENURUT BELIAU, KERAJAAN AKAN MENGALAMI MASALAH MENDAPAT TEMPAT YANG MENCUKUPI JIKA KESEMUA PENAGIH DADAH YANG KINI DITAKSIRKAN BERAMAI 100,000 HINGGA 150,000 ORANG DISELURUH NEGARA DITANGKAP UNTUK DIPULIHKAN SEMULA.

PADA MASA INI HANYA TERDAPAT KIRA-KIRA 70,000 BUAH KATIL DI HOSPITAL-HOSPITAL DI NEGARA INI YANG CUKUP UNTUK MERAWAT PARA PESAKIT ANTARA SATU HINGGA TIGA HARI ATAU PALING LAMA DUA HINGGA TIGA BULAN BAGI SEORANG PESAKIT.

SEBALIKNYA, TIAP-TIAP SEORANG PENAGIH DADAH MEMERLUKAN RAWATAN ANTARA SATU HINGGA TIGA TAHUN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA BAHAWA PIHAKNYA MENYEDARI TENTANG ADANYA SEBILANGAN KECIL PELAJAR YANG TERLIBAT DALAM PERBUATAN MENYALAHGUNA DADAH.

PERKARA ITU, UJAR BELIAU, SEDANG DIKESAN OLEH PIHAK KEMENTERIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH YANG TERLIBAT.

BELIAU LALU MENGGESA KALANGAN IBUBAPA SUPAYA MENGAWASI ANAK-ANAK MEREKA KHUSUSNYA SEMASA BERADA DI RUMAH.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERHARAP IBUBAPA TIDAK TERLALU MEMBERIKAN KEBEBASAN KEPADA ANAK-ANAK MEREKA DAN SENTIASA MENGAMBIL TAHU TENTANG GERAK-GERI MEREKA.

BELIAU MENEGASKAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG SAHAJA TIDAK AKAN BERKESAN SEKIRANYA TIDAK ADA KERJASAMA PENUH DAN PERHATIAN BERAT DARI ORANG RAMAI, TERUTAMA KALANGAN IBUBAPA. — BERNAMA 1518/ZCM